



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**TAJUK: PENEROKAAN KESAN PENCERAIAN TERHADAP REMAJA
SEKOLAH MENENGAH DI KAWASAN LUAR BANDAR, SARAWAK.**

**Rabeka Anak Kasan
(59359)**

**Ijazah Sarjana Muda Kauseling dengan Kepujian
2018/2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: A

Please tick (/)

Final Year Project Report (/)

Masters ()

PhD ()

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the Tuesday day 21st May of 2019.

Student's Declaration:

I RABEKA ANAK KASAN (59359), Faculty of Cognitive Science and Human Development
Hereby declare that the work entitled, Penerokaan Kesan Pencerayaan Terhadap Remaja Sekolah
Menengah di Kawasan Luar Bandar, Sarawak is my original work. I have not copied from any
other student's work or from any other sources except where due reference or acknowledgement
is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

15th May 2019

Date submitted

RABEKA ANAK KASAN (59359)

Supervisor's Declaration:

I SAMSIAH BINTI JAYOS hereby certifies that the work entitled, Penerokaan Kesan Pencerayaan
Terhadap Remaja Sekolah Menengah di Kawasan Luar Bandar, Sarawak was prepared by the
above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/ full fulfilment for the
conferment of Bachelor of Counselling With Honours, and the aforementioned work, to the best
of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: _____
(SAMSIAH JAYOS)

Date: 27/5/2019

I declare the Project/Thesis is classified as (Please tick (/)):

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*


RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

OPEN ACCESS

Validation of Project/ Thesis

I shall duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/ Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and right as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Informatin Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for the purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's signature: 
(Date: 21st May 2019)

Supervisor's signature: 
(Date: 27/5/2019)

Current Address:

NO 7 KAMPUNG TANJAM JALAN BIAWAK, 94500 LUNDU.

Notes: * If the Project/Thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach together as annexuter a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument was duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk ‘Penerokaan Kesan Penceraihan Terhadap Remaja Sekolah Menengah di Kawasan Luar Bandar, Sarawak’ telah disediakan oleh RABEKA ANAK KASAN dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian

Diterima dan diperiksa oleh:



(SAMSIAH JAYAS)

Tarikh:
21 Mei 2019

Gred
A

PENGHARGAAN

Salam sejahtera.

Saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada yang maha Esa kerana dengan izin-Nya saya dapat menyempurnakan kajian ini dengan kudrat dan masa yang telah dipinjamkan kepada saya. Tidak lupa juga kepada insan-insan yang setia bersama saya dalam memberikan sokongan, dorongan dan kata-kata semangat semasa proses menjalankan kajian ini. Sokongan, dorongan dan kata-kata semangat tersebutlah menjadi kekuatan dan motivasi bagi saya untuk terus menyelesaikan kajian ini hingga ke akhirnya.

Seterusnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia projek tahun akhir saya yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang kajian ini dijalankan iaitu Puan Samsiah Binti Jayos K.B.P.A. (MAL). Selain itu, ribuan terima kasih turut saya tujukankan kepada Encik Merikan Bin Aren (penyelaras Projek Tahun Akhir) serta dan Prof. Dr. Mohamed Sharif Mustaffa sebagai (penilai pembentangan) yang sudi memberikan tunjuk ajar dan juga kritikan yang membina dalam membantu saya memperbaiki kekurangan dan kelemahan dalam kajian ini agar saya dapat menghasilkan kajian yang berkualiti.

Kepada tulang belakang yang sentiasa menyokong dan memberi sokongan dalam apa jua perkara yang saya lakukan iaitu ibunda yang tercinta Lency Anak Lawat dan juga ayahanda yang sentiasa dikagumi Kasan Anak Labok. Kehadiran kalian benar-benar merupakan sesuatu yang bermakna dan tiada tolok bandingnya. Setiap kata-kata positif yang membina serta memotivasiikan diri sentiasa anakanda ingat ketika diri ini hampir rebah dalam perjalanan yang penuh dengan cabaran dan dugaan yang tidak dijangka ini. Terima kasih kerana tidak putus-putus mendoakan kejayaan dan ketenangan serta kelancaran anakanda dalam menjalankan kajian ini. Sesungguhnya, sokongan dan nasihat dari ibunda dan ayahanda benar-benar memberikan inspirasi dan meningkatkan semangat anakanda untuk terus berjuang dalam menjalankan kajian ini sehingga selesai sepenuhnya.

Terima kasih juga diucapkan kepada Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Lundu (SMKL) dan guru-guru kaunseling yang telah membantu saya untuk mendapatkan responden kajian dan maklumat penting terutama yang berkaitan dengan prestasi akademik pelajar yang terlibat dan telah memberi peluang kepada saya untuk melakukan kajian terhadap pelajar sekolah tersebut.

Kepada sahabat yang disayangi yang juga merupakan sahabat seperjuangan di bawah penyeliaan yang sama iaitu Nor Shahira Binti Abu Bakar, dan Nur Akmal Izzati kerana setia bersama-sama di saat susah dan senang semasa menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga kepada Emelia Anak Jahon dan Claser Anak Abot kerana sentiasa memberikan kata-kata positif sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali saya ingin merakamkan terima kasih kepada mana-mana pihak yang terlibat dengan kajian saya ini secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyelesaikan kajian dan juga tugasannya ini terutamanya kepada responden yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
Penghargaan	i
Jadual Kandungan	ii
Senarai Jadual	iv
Senarai Rajah	v
Senarai Singkatan	vi
Senarai Lampiran	vii
Abstrak	viii

BAB 1 – PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	3
1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Kerangka Konseptual Kajian	6
1.6	Kerangka Teoretikal Kajian: Grand Theory	6
1.7	Kepentingan Kajian	7
1.8	Definisi Istilah	9
1.9	Limitasi Kajian	12
1.10	Rumusan	13

BAB 2 – SOROTAN KAJIAN

2.0	Pengenalan	14
2.1	Keluarga	14
2.2	Pencerahan	16
2.3	Remaja	16
2.4	Jasmani	17
2.5	Emosi	17
2.6	Rohani	19
2.7	Intelek	19
2.8	Rumusan	19

BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	20
3.1	Reka Bentuk Kajian	20
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	22
3.3	Kajian Rintis	22
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	23
3.5	Teknik Penganalisis Data	24

3.6	Kerangka Reka Bentuk Kajian	25
3.7	Instrumen Kajian	27
3.8	Rumusan	27

BAB 4 – ANALISIS DATA

4.0	Pengenalan	29
4.1	Latar Belakang Subjek Kajian	29
4.2	Analisis Data	31
4.3	Hasil Dapatkan Kajian	31
4.4	Rumusan	37

BAB 5 – PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.0	Pengenalan	38
5.1	Perbincangan	38
5.2	Implikasi	49
5.3	Cadangan	51
5.4	Rumusan	53

RUJUKAN	54
----------------	-----------

LAMPIRAN

Lampiran A	57
Lampiran B	60
Lampiran C	70
Lampiran D	77
Lampiran E	80
Lampiran F	82

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1

Tanggungjawab Terhadap Keluarga.	15
----------------------------------	----

Jadual 4.1

Ringkasan latar belakang utama responden	29
--	----

Jadual 4.2

Kesan penceraian keluarga terhadap perubahan jasmani remaja	32
---	----

Jadual 4.3

Kesan penceraian keluarga terhadap perubahan emosi remaja	33
---	----

Jadual 4.4

Kesan penceraian keluarga terhadap perubahan rohani remaja	34
--	----

Jadual 4.5

Kesan penceraian keluarga terhadap perubahan intelek remaja	35
---	----

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	
Kerangka konseptual kajian	6
Rajah 3.1	
Kerangka reka bentuk kajian	26

SENARAI SINGKATAN

UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
K.B.	Kaunselor Berdaftar
P.A.	Perakuan Amalan
REBT	Rational Emotive Behavioural Therapy
R	Responden
R1	Responden 1
R2	Responden 2
R3	Responden 3
R4	Responden 4
K1	Kaunselor 1
SMKL	Sekolah Menengah Kebangsaan Lundu

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Soalan dan Senarai Semak Inventori Protokol Temu Bual Responden 57

LAMPIRAN B

Borang Pengesahan 60

- i. Borang Pemberitahuan Temu Bual
- ii. Borang Izin Rakaman Temu Bual
- iii. Borang Pengesahan Observasi

LAMPIRAN C

Diari 70

LAMPIRAN D

Nota Lapangan 77

LAMPIRAN E

Analisa Dokumen 80

LAMPIRAN F

Transkrip 82

ABSTRAK

PENEROKAAN KESAN PENCERAIAN TERHADAP REMAJA SEKOLAH MENENGAH DI KAWASAN LUAR BANDAR, SARAWAK.

Rabeka Anak Kasan

Penceraian merupakan suatu topik yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat kita. Kebanyakan keluarga yang berpisah kerana mereka gagal untuk mencari jalan perdamaian dan penyelesaian antara kedua-dua pihak setelah perbincangan dijalankan. Akhirnya, pasangan mengambil jalan untuk bepisah bagi mengakhiri konflik yang dialami tanpa mengambil kira kesan tindakan yang diambil terhadap anak. Kajian ini dijalankan untuk menerokai kesan penceraian keluarga terhadap jasmani, emosi, rohani dan intelek remaja luar bandar, Sarawak. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka dengan responden kajian yang telah dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada empat (4) pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Lundu (SMK LUNDU) dan seorang guru kaunseling di sekolah tersebut. Seorang responden sebagai kajian rintis telah dipilih dan ditemu bual di bilik kaunseling kelompok sekolah sebelum pengumpulan data sebenar kajian dijalankan. Kaedah tersebut dijalankan adalah untuk memastikan keberkesanan tajuk yang telah dipilih. Seterusnya, keempat-empat responden telah dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan menetapkan sasaran dan menyenaraikan ciri-ciri yang perlu dipenuhi oleh responden. Hasil kajian mendapat bahawa penceraian keluarga akan memberi kesan terhadap perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek remaja. Pembentukan pribadi remaja bergantung kepada cara penjaga membesar mereka. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapat bahawa penceraian akan memberi kesan yang mendalam terhadap emosi remaja. Pengkaji berharap agar kajian ini akan memberi maklumat serta manfaat kepada semua pihak yang berkaitan.

Kata Kunci: Kesan, Penceraian, Remaja Sekolah, Luar Bandar, Jasmani, Emosi, Rohani
Intelek

ABSTRACT

EXPLORING THE EFFECTS OF PARENTAL DIVORCE TOWARDS SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN SARAWAK RURAL AREAS.

Rabeka Anak Kasan

Divorce is a common topic in our society. Most families broke up because they failed to find a way of reconciliation and settle the problem in a good way between the two sides (husband and wife) after the discussion took place. Ultimately, couples resort divorce to ending the conflict without taking any concern on the effects of their decision taken to their children. This study was purpose to explore the effects of family divorce on the physical, emotional, spiritual and intellectual of rural teenagers, in Sarawak. This study was conducted with qualitative research design and using the face-to-face interview method with selected respondents based on the criteria set. The respondents involved in this study consisted of high school students and a counseling teacher from Sekolah Menengah Kebangsaan Lundu (SMK LUNDU). A respondent was selected by using pilot study and interviewed at the school counseling room before the actual data collection was conducted. This method is to ensure the effectiveness of the selected title. Subsequently, four (4) of respondents were selected using a purposive sampling technique by setting targets and listing the features that need to be fulfilled or required to be the respondent. The findings show that family divorce will affect the physical, emotional, spiritual and intellectual development of adolescents. The personal formation of teens depends on the way the caretakers raise them. Overall, this study found that divorce would give profound impact on adolescent emotions. Researchers hope that this study will provide information and benefits to all related parties.

Key words: Effects, Parental Divorce, Secondary school Students, Rural Area, Physical, Emotional, Spiritual, Intellectual

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Keluarga merupakan sistem sosial yang amat penting dalam kehidupan manusia. Namun, tidak semua individu berjaya mempertahankan keutuhan keluarga hingga ke akhir hayat yang akan membawa kepada isu perceraian. Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Kedua (2008) perkataan cerai ditakrifkan sebagai tidak bersatu dan sudah putus hubungan sebagai suami isteri. Menurut Jabatan Kehakiman Syariah Pahang pada tahun 2017 perceraian boleh dibahagikan kepada dua fahaman iaitu bahasa dan istilah. Perceraian dari sudut bahasa bermaksud berpisah manakala dari segi istilah pula bermaksud keruntuhan hubungan perkahwinan dan terputusnya hubungan suami isteri dengan bersebab.

Perceraian dalam keluarga terjadi setelah suami dan isteri mengambil keputusan untuk berpisah serta meneruskan kehidupan mengikut haluan masing-masing. Kebiasanya, pasangan tersebut akan mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan masalah keluarga sebelum mengambil keputusan untuk bercerai jika gagal untuk mencapai kesepakatan.

Menurut Fariz Sakina (2013) dalam kajian yang telah dilakukan, perceraian antara pasangan akan memberi kesan besar kepada pasangan tersebut dan seterusnya mempengaruhi anak-anak. Lazimnya, kesan tersebut lebih menjurus kepada kesan negatif iaitu kesan psikologikal terhadap corak dan gaya keibubapaan keluarga. Remaja yang menjadi mangsa perceraian mengalami masalah sahsiah kerana kehilangan model dan pemimpin dalam keluarga, emosi, fisiologi, psikologi dan juga prestasi kerja individu dewasa dan prestasi anak-anak.

Emosi ditakrifkan sebagai gambaran perasaan atau tindak balas manusia dalam menghadapi pelbagai situasi yang berbeza (Nadia Nadhirah, 2013). Merujuk Richard, Daniel, &

Kenneth (2000) mendefinisikan emosi sebagai suatu keadaan biologi dan psikologi yang mempengaruhi kecenderungan seseorang individu untuk bertindak. Dalam pembahagian tahap perkembangan manusia, remaja menduduki tahap progresif. Apabila timbul konflik antara ibu bapa, golongan remaja cenderung untuk bertingkah laku bertentangan dengan kehendak ibu bapa dan orang dewasa kerana mereka menganggap orang dewasa tidak memahami jiwa mereka. Pendidikan atau pencapaian akademik melibatkan idea-idea dan aktiviti-aktiviti yang praktikal. Manusia dari pelbagai lapisan masyarakat mementingkan pendidikan sebagai cara mempertingkatkan mutu seseorang. Pendidikan juga tidak dapat dipisahkan dari kehidupan pelajar. Bagaimanapun pencapaian akademik pelajar adalah berbeza-beza kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Latar belakang anak-anak ini adalah faktor yang disebut sebagai pengaruh utama mereka tidak mencapai matlamat dalam pendidikan. Penceraian memberikan kesan yang mendalam terhadap remaja dari aspek psikologi. Antaranya ialah, remaja yang terlibat akan mengalami kesedihan, kebimbangan, tekanan dan kemurungan sehingga akan memberi kesan terhadap akademik dan seterusnya masalah tingkah laku.

Antara pandangan lain berkaitan dengan kesan penceraian ibubapa terhadap remaja dijalankan oleh Ida Unitari, Kanissa Puspa, & Muhammad Hafiduddin (2018) berpendapat bahawa penceraian ibubapa akan memberikan impak positif dan negatif terhadap remaja. Namun kesan yang lebih mendominasi ialah kesan negatif kerana remaja lebih cenderung untuk berasa malu dengan situasi yang dialami, mudah marah jika keinginan tidak dapat dipenuhi, sukar untuk menumpukan perhatian dan tidak menghormati orang yang lebih berusia kerana mereka dan mudah menyalahkan orang lain.

Pandangan lain menyatakan bahawa individu yang terlibat dengan keluarga yang mengalami penceraian akan memiliki pelbagai variasi emosi dan perasaan kerana ibu bapa tidak menjalankan tanggungjawab sebagai peneraju utama dalam memastikan kejayaan pembentukan sesebuah keluarga Norhayati & Zaidah (2016). Remaja merupakan aset negara yang amat bernilai untuk memastikan kesejahteraan, serta bertindak sebagai peneraju dalam pembangunan dan kemajuan negara. Kegagalan institusi pendidikan awal untuk membimbing mereka akan menyebabkan wujudnya remaja yang bermasalah dari aspek sahsiah dan mempunyai pencapaian akademik yang kurang berkualiti.

1.1 Latar Belakang Kajian

Seperti yang diketahui umum, Maldives bukan sahaja negara yang terkenal sebagai kawasan tumpuan pelancong dari serata dunia namun negara ini juga menerima anugerah sebagai negara yang mencatatkan kes penceraian terbesar dunia. Tidak terkecuali dengan negara Malaysia juga mempunyai isu penceraian yang meningkat saban tahun. Faizah et al. (2013) dalam kajiannya mendedahkan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal sebagai ketua keluarga bukan hanya untuk mencari nafkah, tetapi juga perlu memantau akademik anak-anak mereka. Keadaan ini akan memberi impak kepada hubungan ibu dan anak kerana wanita yang bekerja lebih cenderung untuk memiliki emosi yang tidak stabil. Keadaan tersebut secara tidak langsung akan turut menjelaskan emosi anak dan menyumbang kepada pemberontakan dalam kalangan anak. Menurut Odenweller (2014), kanak-kanak yang sedang berhadapan dengan keluarga yang hendak berpisah akan mengalami tekanan perasaan, bertindak di luar kawalan dan mempunyai masalah dalam akademik.

Kajian seterusnya telah dijalankan oleh Fagan, Have & Chen (2011), pelajar yang hanya dibesarkan oleh ibu akan bertindak kurang sopan terhadap individu yang berada dalam lingkungan mereka (melawan guru, bertindak ganas terhadap rakan) anak tersebut dilahirkan oleh ibu tunggal. Akibatnya, remaja yang dilahirkan dalam institusi keluarga yang gagal akan mendapat tahap pendidikan dan tingkah laku sosial yang rendah kerana tidak dipantau oleh ibu bapa.

Kini, isu penceraian semakin berleluasa kerana kurangnya kesedaran dalam diri masyarakat pentingnya perkahwinan untuk jangka masa yang panjang dan mengambil keputusan terburu-buru. Keadaan penceraian akan menjadi semakin kompleks apabila anak turut menjadi mangsa keadaan. “kehidupan anak akan mengalami perubahan secara drastik apabila hak penjagaan telah berubah dan corak pembentukan keluarga turut mengalami perubahan. (Wijckmans, 2013). Penceraian akan memberi kesan apabila konflik berlaku dengan berpanjangan, tiada komunikasi antara kedua-dua pihak dan perebutan kuasa antara ibu bapa.

Berdasarkan pembacaan yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak pengkaji yang telah membuat kajian tentang kecerdasan emosi dalam kalangan remaja yang bermasalah tingkah laku. Sehubungan dengan itu, dapatkan kajian mereka hanya menunjukkan bahawa kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam kalangan remaja yang bermasalah tingkah laku dan tidak membincangkan isu keluarga yang dihadapi oleh remaja.

Menurut laporan Mstar pada 1 Oktober 2018, apabila seorang pelajar perempuan tingkatan tiga mengambil keputusan untuk membunuh diri kerana marah akibat daripada pergaduhan yang sering berlaku dalam keluarga akibat daripada campur tangan pihak ketiga yang dipercayai ayah tirinya yang ingin menceraikan ibunya. Secara tidak langsung, isu yang berlaku telah mendorong pengkaji untuk melihat perubahan jasmani, emosi, rohani dan intelek remaja di luar bandar.

1.2. Penyataan Masalah

Berdasarkan sejarah, pengkaji mendapati bahawa perkahwinan dilihat sebagai ikatan jangka panjang antara lelaki dan wanita yang tidak mempunyai pertalian darah. Namun, sekiranya ikatan perhubungan tersebut terlerai, penceraian akan memberi kesan kepada setiap ahli keluarga (Justin Grubb & Tre Long, 2014). Namun, kajian tersebut gagal untuk membincangkan kesan penceraian kepada cara pemikiran anak. Kini, kajian berkaitan penceraian tidak hanya perlu dilakukan di kawasan bandar sahaja kerana kawasan luar bandar merupakan antara kawasan yang mencatatkan angka tertinggi kes penceraian di Malaysia. Perbezaan gaya hidup masyarakat juga menjadikan kajian di kawasan bandar dan luar bandar akan mempunyai perbezaan kerana mereka memiliki gaya hidup yang berbeza.

Berdasarkan Laporan kementerian Wanita Keluarga Dan Masyarakat Azizah (2016) menyatakan bahawa di Malaysia, negeri yang mencatatkan statistik isu penceraian tertinggi ialah negeri Selangor dengan 7,731 kes diikuti oleh negeri Sabah 6,638 dan Johor 4,700 kes. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia juga mengalami isu penceraian yang amat membimbangkan.

Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan menyatakan bahawa remaja yang berhadapan dengan keluarga bercerai akan mengalami isu sampingan lain iaitu tiada barang keperluan asas seperti makanan, pakaian dan peralatan untuk belajar. Kajian lepas juga menyatakan bahawa konflik yang berlaku di dalam keluarga, juga akan menyebabkan anak mempunyai konflik dengan anggota keluarga yang lain (Brittany, 2014). Penceraian juga akan menyebabkan remaja mengalami emosi yang tidak stabil dan akan bertindak di luar kawalan.

Namun begitu, kajian mengenai kesan penceraian terhadap anak dengan lebih terperinci masih kurang di Malaysia. Hal ini kerana kajian di Malaysia lebih menjurus kepada kesan penceraian terhadap golongan wanita dan ibu tunggal. Oleh itu, pengkaji menggunakan kajian-kajian lepas sebagai bahan rujukan bagi mengkaji kesan penceraian terhadap empat aspek iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek remaja di luar bandar Sarawak.

1.3. Objektif Kajian


- 1.3.1. Untuk meneroka kesan penceraian keluarga terhadap perubahan jasmani remaja di luar bandar.
- 1.3.2. Untuk meneroka kesan penceraian terhadap perubahan emosi remaja di luar bandar Sarawak.
- 1.3.3. Untuk meneroka kesan penceraian keluarga terhadap perubahan rohani remaja di luar bandar.
- 1.3.4. Untuk meneroka kesan penceraian keluarga terhadap perubahan intelek remaja di luar bandar.

1.4. Persoalan Kajian

- 1.4.1. Sejauhmanakah isu penceraian memberi kesan terhadap perubahan jasmani remaja luar bandar, Sarawak?
- 1.4.2. Sejauhmanakah isu penceraian memberi kesan terhadap emosi dalam kalangan remaja luar bandar di Sarawak?
- 1.4.3. Sejauhmanakah isu penceraian keluarga memberi kesan terhadap rohani dalam kalangan remaja luar bandar di Sarawak?
- 1.4.4. Sejauhmanakah isu penceraian memberi kesan terhadap intelek remaja di luar bandar?

1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Merujuk kepada kerangka konseptual kajian pada Rajah 1.1, terdapat tiga domain utama yang akan diketengahkan dalam kajian ini iaitu *input*, *process* dan *output*. *Input* merupakan situasi keluarga berpisah yang dialami oleh remaja. Hasil dapatan kajian ini antara punca berlakunya isu penceraian keluarga ialah krisis ekonomi, tiada persefahaman dan wujudnya orang ketiga dalam sesebuah perhubungan. Manakala *process* ialah analisis daripada dapatan yang diperolehi daripada hasil sesi temu bual yang dijalankan bersama responden kajian. Dapatan terakhir yang diperolehi daripada kajian merupakan *output* iaitu kesan penceraian terhadap jasmani, emosi, rohani dan intelek remaja sekolah menengah.



Rajah 1.1: Kerangka konseptual kajian

1.6 Kerangka Teoritikal Kajian :

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan *Grand Theory* untuk melihat kepercayaan individu terhadap situasi yang dihadapi. Teori ini juga membantu pengkaji untuk meminta responden membuat penjelasan tentang keadaan kehidupan mereka dari aspek nilai sosial, sejarah hidup atau pengalaman yang telah mereka alami. *Grand theory* juga membantu untuk melihat tindakan yang telah diambil oleh responden terhadap situasi yang sedang dialami.

Tindakan yang diambil adalah hasil daripada emosi yang tidak stabil. Kegagalan seseorang menguruskan emosinya akan menyebabkan banyak perkara negatif akan terjadi terhadap diri mereka. *Grand theory* juga melihat bahawa individu lebih cenderung untuk menganalisis keadaan sekeliling mereka. Teori ini juga mendapati bahawa personality individu terbentuk daripada pengaruh di sekeliling mereka.

Grand Theory telah diasaskan oleh Mills dalam buku yang bertajuk *The sociological imagination* (1959). *Grand Theory* juga merupakan sebuah istilah yang ditemukan oleh seorang ahli sosiologi dikenali sebagai Charles Wright Mills dalam penulisan bukunya yang bertajuk *The Sociological Imagination*. Secara umumnya, teori ini melihat bahawa keadaan hidup formal, berstruktur serta mempunyai konsep adalah penting berbanding dengan dunia sosial. Dari sudut pandangan lain, teori ini membantu untuk memisahkan keadaan kehidupan sehari-hari dan kepelbagaian situasi melalui sumber dan perbezaan waktu. Secara umumnya, teori ini telah banyak membantu saya dalam menerokai kesan penceraian keluarga terhadap jasmani, emosi, rohani dan intelek remaja sekolah menengah luar bandar, Sarawak.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui kesan penceraian terhadap perubahan jasmani, emosi, rohani, intelek dan pencapaian akademik serta untuk melihat sekiranya terdapat perbezaan kawalan emosi remaja lelaki dan perempuan luar bandar Sarawak yang berhadapan dengan isu penceraian. Oleh itu, hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada pegawai kaunseling, kaunselor pelatih, pengkaji, ibu bapa, masyarakat dan juga kepada sesiapa yang membaca kajian ini.

Remaja yang Menjadi Mangsa Penceraian Ibu Bapa.

Hasil daripada kajian ini akan memberi maklumat kepada para remaja yang berhadapan dengan isu penceraian dalam meneruskan kehidupan sehari-hari mereka. Kajian ini juga dapat membantu remaja untuk memahami impak keluarga bercerai terhadap jasmani, emosi, rohani dan intelek seseorang individu. Disamping itu, kajian ini juga akan menjadi rujukan kepada mereka

untuk meningkatkan nilai jasmani, emosi, rohani dan intelek sebagai persediaan masa hadapan mereka.

Pegawai kaunseling dan Kaunselor Pelatih.

Bagi pegawai kaunseling termasuk kaunselor pelatih sendiri, dengan pertambahan maklumat dan pengetahuan tentang kesan penceraian keluarga terhadap remaja, ia dapat membantu pegawai kaunseling untuk menjalankan proses kaunseling yang melibatkan remaja yang berhadapan dengan isu penceraian khususnya dalam aspek emosi dan pencapaian akademik di sekolah. Di samping itu, kaunselor pelatih mendapatkan maklumat untuk kajian pada masa hadapan. Pada masa yang sama, dengan adanya pertambahan pengetahuan mengenai remaja yang berhadapan dengan isu keluarga berpisah, ia dapat membantu para kaunselor untuk menyemak semula dari segi keperluan yang diperlukan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kaunseling yang akan diberikan. Penggunaan teori yang sesuai dapat membantu dalam mencapai keberkesanan kajian yang dijalankan. Di samping itu, dengan adanya kajian ini kaunselor akan lebih bersedia untuk berhadapan dengan remaja yang terlibat dengan isu penceraian.

Pengkaji

Kajian seperti ini dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi para pengkaji yang akan datang untuk mendalami lebih lanjut mengenai perkembangan emosi dan tahap pencapaian remaja yang berhadapan dengan isu keluarga berpisah dalam konteks persekitaran dan budaya di Malaysia. Tambahan pula, para pengkaji juga dapat mengenal pasti teori yang sesuai digunakan dalam sesi kaunseling bersama klien. Teori yang relevan dapat membantu pengkaji dan kaunselor mendalami keadaan klien mereka.

Ibu Bapa dan Masyarakat

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mengharapkan agar ibu bapa dan masyarakat mendapat banyak maklumat tentang kesan penceraian terhadap remaja khususnya di kawasan luar bandar negeri Sarawak. Hal ini demikian, supaya golongan remaja ini tidak berasa disisihkan

daripada masyarakat dan tidak disayangi oleh keluarga. Oleh yang demikian, dengan adanya maklumat daripada kajian ini dapat membantu pengurangan isu penceraian di Malaysia. Oleh itu, pengkaji berharap supaya masyarakat sentiasa prihatin dan memandang serius terhadap peningkatan isu penceraian saban tahun yang akan memberi kesan terhadap kehidupan remaja.

1.8 Definisi Istilah

Penceraian

Konseptual

Menurut Mohamed Sharif, & Roslee (2011), penceraian diertikan sebagai perkara yang dibenarkan namun akan memberi impak yang besar terhadap individu yang terlibat dan komuniti yang berada di sekitarnya. Lazimnya, masalah rumah tangga bukan hanya berpunca daripada satu sebab namun berpunca daripada beberapa sebab sehingga membawa kepada isu penceraian.

Operasional

Penceraian merupakan perpisahan keluarga antara suami dan isteri sehingga memberikan kesan terhadap anak. Selain itu, pencerian berlaku disebabkan tidak mencapai penyelesaian terhadap masalah yang berlaku pada akhirnya memilih penceraian sebagai jalan penyelesaian. Penceraian akan memberi kesan negatif terhadap individu dan menganggu rutin harian seseorang individu.

Remaja

Konseptual

Ida Unitari (2018), memberi pengertian remaja adalah masa transisi dari masa kanak-kanak beralih ke alam dewasa yang mencakupi aspek biologi, kognitif dan perubahan sosial yang berlangsung antara 10-19 tahun. Batasan usia remaja adalah 12 sampai 24 tahun. Masa remaja dapat dibahagikan kepada tiga kelompok usia, (1) Remaja awal (usia 12-15 tahun), (2) Remaja pertengahan (usia 15-18 tahun), (3) Remaja akhir, iaitu pada usia (18-21 tahun). Pada masa ini individu mula berasa stabil, mengenal dirinya, memahami arah hidup, dan menyedari tujuan hidupnya. Remaja merupakan fasa yang penting bagi individu untuk pembentukan

keperibadiannya. Selain itu, remaja merupakan fasa di mana individu lebih mudah terpengaruh dengan keadaan sekelilingnya.

Operasional

Remaja disifatkan sebagai individu yang menginginkan sesuatu dan mencari-cari identiti diri dan berusaha untuk menjadi lebih berdikari untuk bersosial dan menyesuaikan dirinya terhadap persekitaran.

Luar Bandar

Konseptual

Luar bandar ditakrifkan sebagai kawasan yang menjalankan aktiviti pertanian sebagai sumber ekonomi utama. Selain itu, luar bandar juga dikenali sebagai kawasan yang mengalami isu kemiskinan isi rumah yang tinggi, ketinggalan dari segi infrastruktur, pembangunan dan teknologi (Siti Masayu, 2008).

Operasional

Kawasan luar bandar merupakan kawasan yang diwartakan sebagai kawasan tumpuan bina. Kawasan luar bandar adalah sebuah kawasan yang bergeografi jauh dari kawasan bandar. Kawasan ini merupakan petempatan yang meliputi semua jenis kampung dan petempatan kecil yang kurang daripada 10,000 orang penduduk dan bercirikan kawasan pertanian serta kawasan sumber alam semulajadi.

Jasmani

Konseptual

Menurut Wisnu Aditya (2017), menyatakan bahawa jasmani dierangkan sebagai aktiviti yang dijalankan melibatkan pergerakan fizikal untuk meningkatkan kualiti hidup seseorang individu dari segi kebolehan fizikal, emosi sarta mental. Jasmani juga ditakrifkan sebagai sebuah proses pendidikan yang bukan hanya dijalankan di sekolah malah dipraktikkan di rumah. Kemahiran fizikal pula bermaksud tingkat kemampuan jasmani seseorang dalam melakukan tugas sehari-hari. Oleh itu, kemahiran jasmani amat diperlukan dalam menjalankan kehidupan sehari-hari kita.

Operasional

Jasmani bermaksud kebolehan fizikal seseorang individu dalam menyelesaikan sesbuah tugas. Jasmani juga merupakan anggota tubuh badan yang dimiliki oleh seseorang individu sejak lahiriah. Namun begitu, ada di antara individu kurang berpuas hati dengan keadaan fizikal yang sedia ada.

Emosi

Konseptual

Menurut Ulya, Neviyarni dan Zadrian (2018) menyatakan bahawa emosi merupakan tindak balas seseorang individu atau remaja terhadap situasi yang tidak menyenangkan atau mendapat sesuatu yang tidak disenangi. Remaja lebih cenderung untuk bertindak secara negatif atau agresif untuk mencari jalan penyelesaian. Perilaku negatif akan mencerminkan nilai peribadi seseorang.

Operasional

Emosi merupakan perasaan seseorang individu apabila berhadapan dengan sesbuah situasi yang memberi kegembiraan atau ancaman kepada mereka. Mereka akan bertindak balas terhadap situasi tersebut secara positif atau negatif. Individu akan lebih cepat mengekspresikan emosinya apabila berada di dalam situasi mencabar.

Rohani

Konseptual

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Muhammad Khairi et al. (2018) berpendapat bahawa rohani ialah pendekatan agama, kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan serta berdoa. Menurut pandangan Barat, kerohanian (*spirituality*) melibatkan kepercayaan dan nilai keimanan. Mereka juga berpendapat bahawa kerohanian merupakan tindakan individu untuk mencari makna dan tujuan hidup.

Operasional

Rohani merupakan amalan keagamaan yang diamalkan dalam kehidupan sehari-hari seseorang individu. Amalan ini telah diamalkan oleh keluarga sejak berzaman atau baru diamalkan